1

# BAB 3
# KONSEP KEPERCAYAAN DAN AMALAN BERAGAMA

Maruwiah Ahmat

IDA 102 – MANUSIA DAN AGAMA

## PENDAHULUAN

2

**Hasil Pembelajaran**

- Menerangkan kejadian alam dan manusia dari pelbagai perspektif.
- Menghuraikan keperluan agama menurut kepercayaan dan amalan.
- Menjelaskan peranan akhlak dalam kehidupan.

**Kandungan Bab**

| | |
|---|---|
| **3.1** | Konsep Kepercayaan |
| **3.2** | Konsep Ibadah |
| **3.3** | Dosa dan Pahala |
| **3.4** | Rabbaniyyah |
| **3.5** | Konsep Halal dan Haram |
| **3.6** | Kehidupan Selepas Mati |

## PENDAHULUAN

3

- Manusia dilahirkan dengan naluri keperluan untuk beragama.
- Naluri ini mendorong setiap manusia mencari sesuatu yang menjadi sembahan dan kepercayaan yang akan memberikan kekuatan pada dirinya bagi mengharungi kehidupan di dunia yang penuh dengan ujian dan pancaroba.
- Manusia juga memerlukan agama untuk mengawal tingkah laku dan mengatur kehidupan di dunia ini.

## KONSEP KEPERCAYAAN

4

- Kepercayaan pada umumnya bermaksud akuan akan kebenaran sesuatu perkara.
- Ia merupakan suatu keyakinan terhadap tuhan, roh, perkara ghaib atau suci yang menghasilkan suatu bentuk penyembahan.
- Konsep kepercayaan juga boleh difahami sebagai konsep kepercayaan kepada tuhan.

## KONSEP KEPERCAYAAN

5

- Persoalan kepercayaan dalam suatu agama boleh dirujuk pada kitab anutan setiap agama. Sebagai contoh, agama Islam berpegang kepada kitab al-Quran, Kristian berpegang kepada Injil (Bible) dan Yahudi berpegang kepada Alkitab.
- Kepercayaan yang disandarkan kepada sumber samawi adalah lebih benar dan tepat dibandingkan dengan sumber adat dan budaya manusia.

## KONSEP KEPERCAYAAN YAHUDI

6



- Semenjak 2500 tahun dahulu wujud dua aliran kepercayaan dalam agama Yahudi.
- Aliran pertama - mempercayai tuhan bersifat Maha Esa dan Maha Pengasih.
- Aliran kedua - mempercayai bahawa tuhan hanya khusus bagi penganut Yahudi sahaja. Aliran ini juga berpendapat bahawa tuhan bersifat pembenci dan membalas dendam kepada semua suku dan bangsa selain Yahudi – 'Bangsa Pilihan'.

## KONSEP KEPERCAYAAN YAHUDI

7

- Alkitab merupakan kitab suci dalam agama Yahudi. Ia merupakan old Testament (Perjanjian Lama) yang terdapat di dalam agama Kristian.
- Talmud pula adalah kitab syarahan atau tafsiran kepada Al-kitab.
- Penganut Yahudi lebih mempercayai keesaan Tuhan. Dalam agama Yahudi tiada doktrin tentang konsep Triniti ketuhanan sebagaimana Kristian.

## KONSEP KEPERCAYAAN YAHUDI

8

- Sejak abad ke-19 orang Yahudi menyebut nama Tuhan mereka sebagai **Yahweh**. Kemudian disebut Jehovah (Yehova) dan akhir sekali dengan sebutan Yahuwa.
- Nama-nama lain bagi Tuhan selain Yahweh dan Yehova ialah Elohim, Adonai dan Sechinah.
- Orang Yahudi juga mempercayai kedatangan Messiah yang merupakan seorang tokoh penyelamat dan pembimbing manusia ketika menghadapi penderitaan dan huru-hara pada akhir zaman.

## KONSEP KEPERCAYAAN YAHUDI

9

- 13 asas kepercayaan agama Yahudi yang dikenali sebagai Rukun Iman Yahudi. Antaranya adalah sebagaimana berikut:

   1. Percaya kepada Tuhan Maha Pencipta
   2. Percaya kepada Keesaan Tuhan
   3. Percaya bahawa Tuhan tidak bertubuh
   4. Percaya bahawa Tuhan itu abadi
   5. Percaya bahawa Tuhan adalah tumpuan pengabdian
   6. Percaya kepada kata-kata yang diucapkan oleh Nabi-nabi

## KONSEP KEPERCAYAAN YAHUDI

10

7. Percaya bahawa Musa adalah Nabi yang terbesar
8. Percaya kepada hukum yang diwahyukan kepada Musa
9. Percaya bahawa hukum tersebut tidak berubah
10. Percaya bahawa Tuhan Maha Mengetahui
11. Percaya kepada ganjaran dosa dan pahala dari Tuhan
12. Percaya kepada kedatangan Messiah
13. Percaya kepada kebangkitan semula selepas mati.

## KONSEP KEPERCAYAAN KRISTIAN

11

- Secara asasnya terdapat tiga aliran mazhab utama dalam agama Kristian iaitu Roman Katolik, Protestan dan Evangelikal.



- Namun kini terdapat aliran-aliran baru yang muncul seperti Basel, SDA (Seven Day Adventist), SIB, Anglikan, Gereja Jesus Benar, Jehovah Witnesses, PCS, Mormon dan sebagainya.

## KONSEP KEPERCAYAAN KRISTIAN

12

- Holy Bible adalah kitab suci dalam agama Kristian.
- Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Old Testament (perjanjian lama) dan New Testament (perjanjian Baru)
- Penganut Kristian mengakui kitab suci agama Yahudi iaitu Old Testament adalah sebahagian dari kitab sucinya.





## KONSEP KEPERCAYAAN KRISTIAN

13

- Terdapat 5 doktrin utama dalam agama Kristian sebagaimana berikut:

1. Doktrin Dosa Warisan *(The Original Sin)*
2. Doktrin anak tuhan *(The Sonship of God)*
3. Doktrin ketuhanan Jesus *(The Divinity of Jesus)*
4. Doktrin Kesucian Triniti *(The Holy Trinity)*
5. Doktrin Penyaliban Jesus *(The Cruxifixion Jesus)*

## KONSEP KEPERCAYAAN ISLAM

14



- Konsep kepercayaan di dalam Islam disebut akidah.
- Akidah adalah kata dasar dalam bahasa Arab iaitu 'aqada'.
- Ia bermaksud simpulan atau perkara yang merujuk kepada sesuatu yang teguh dan mantap atau iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah dan segala yang terkandung dalam Rukun Iman

## KONSEP KEPERCAYAAN ISLAM

15

- Agama Islam mempercayai keesaan Allah yang bermaksud tiada Tuhan selain Allah.
- Agama Islam berpandukan kepada Al-Quran sebagai sumber utama. Manakala sumber kedua agama Islam adalah Sunnah Rasulullah (Hadith-hadith Nabi)
- Mengesakan Allah juga disebut Tauhid.
- Islam meletakkan seluruh pengabdian dan penyembahan hanyalah kepada Allah dan meyakini Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah.



## KONSEP KEPERCAYAAN ISLAM

16

- Rukun Iman dalam agama Islam adalah sebagaimana berikut:

1. Beriman kepada Allah
2. Beriman kepada Malaikat
3. Beriman kepada Rasul dan Nabi
4. Beriman kepada Kitab
5. Beriman kepada Hari Kiamat
6. Beriman kepada Qada' dan Qadar

## KONSEP KEPERCAYAAN ISLAM

17

- Lima perkara Rukun Islam adalah sebagaimana berikut:

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Menunaikan solat 5 waktu sehari semalam
3. Berpuasa di bulan Ramadhan
4. Menunaikan zakat
5. Menunaikan Haji bagi yang berkemampuan



## KONSEP IBADAH

18

- Amalan dalam agama adalah suatu bentuk aktiviti atau perlakuan manusia dengan tujuan untuk menyembah tuhan.
- Ibadah dalam Islam ialah amalan yang berkait dengan pematuhan, ketaatan dan ketundukan kepada Allah.
- Secara umum ibadah terbahagi kepada 2 iaitu:
  1. Ibadah zahir
  2. Ibadah batin

## KONSEP IBADAH YAHUDI

- Rumah Ibadat bagi penganut Yahudi dikenali sebagai Synagogue, Shul atau temple.
- Penganut Yahudi melakukan sembahyang dalam tiga waktu setiap hari iaitu:
  1. *Sacharit (morning prayer)*
  2. *Mincha (afternoon prayer)*
  3. *Arvit (nightfall prayer)*



- Waktu sembahyang lain yang dilakukan pada hari-hari tertentu ialah:
  1. *Musaf* - dilakukan pada hari Sabbath dan hari perayaan Yahudi yang besar
  2. *Neilah* - dilakukan pada hari Yom Kippur

## KONSEP IBADAH YAHUDI

20

- **Yom Kippur** atau **Hari Pendamaian** (hari *grafirat*) adalah hari yang dianggap paling suci dalam agama Yahudi.
- Perayaan ini diadakan pada 10 Tisyri dalam kalender Yahudi.
- Mereka berpuasa selama 25 jam, dihitung dari terbenamnya matahari.
- Pada hari ini akan dilakukan korban sebagai penebus dosa.



## KONSEP IBADAH YAHUDI

21








## KONSEP IBADAH YAHUDI

22








Contoh AMALAN DALAM AGAMA YAHUDI

## KONSEP IBADAH YAHUDI

23

- Antara perayaan-perayaan yang disambut dalam agama Yahudi adalah sebagaimana berikut:
- Hari Sabat ( Hari Sabtu )
- Tahun Baru Yahudi
- Hari Raya Paskah
- Hari Raya Roti Tak Beragi (*Hag Hammasot*)
- Festival Menuai
- *Pentacost (Shavuot)*
- *Rosh Hashanah*
- *Yom Kippur*
- Festival Pondok Daun (*Sukkot*)
- Festival Sukacita Taurat
- Festival Kenisah (*Hanukah*)
- Festival Pesta Undi (*Purim*)
- Hari Duka Nasional (*Tisha B'Av*)
- Hari Kemerdekaan Israel

## KONSEP IBADAH KRISTIAN

- Tempat ibadat penganut agama Kristian dikenali sebagai gereja, gospel, chapel.
- Di Gereja, penganut Kristian melakukan upacara ritual agama kristian yang dikenali sebagai 7 sakramen iaitu:
  1. Sakramen pembaptisan
  2. Sakramen ekaristi (perjamuan kudus/Eucharist)
  3. Sakramen penguatan (*confirmation*)
  4. Pernikahan
  5. Sakramen imamat
  6. Sakramen pengakuan dosa (*confession*)
  7. Sakramen pengurapan orang sakit.



24

## KONSEP IBADAH KRISTIAN

25

- Penganut Kristian juga mengamalkan puasa mengikut mazhab masing-masing.
- Perayaan-perayaan utama Kristian

**AKTIVITI PELAJAR**

## KONSEP IBADAH KRISTIAN

26



## KONSEP IBADAH KRISTIAN

27



## KONSEP IBADAH ISLAM

- Umat Islam wajib mengerjakan solat lima waktu sehari semalam, sebagaimana berikut:
  1. Solat Subuh
  2. Solat Zohor
  3. Solat Asar
  4. Solat Maghrib
  5. Solat Isyak

## KONSEP IBADAH ISLAM

29

- Selain 5 waktu solat yang wajib, umat Islam juga digalakkan mengerjakan solat-solat sunat yang lain seperti sunat taubat, sunat dhuha, sunat tarawih dan sebagainya.
- Selain solat, setiap muslim diwajibkan berpuasa sebulan pada bulan Ramadhan.
- Umat Islam berpuasa dengan menahan diri dari makan dan minum serta perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.

## KONSEP IBADAH ISLAM

30

- Pada bulan Ramadhan, umat Islam banyak melakukan amalan sedekah dan amalan baik yang lain kerana ganjaran pahala pada bulan ini adalah berganda berbanding pada bulan-bulan biasa.
- Selain puasa Ramadhan terdapat juga puasa wajib yang lain seperti puasa Kifarah, puasa Qadha dan puasa Nazar
- Puasa sunat pula adalah seperti puasa hari Isnin dan Khamis, puasa sunat Asyura, puasa enam di bulan Syawal dan sebagainya.
- Manakala puasa haram pula ialah puasa pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidil Adha dan puasa hari-hari tasyriq.

## KONSEP IBADAH ISLAM

31

- Hari Kebesaran Islam di Malaysia adalah sebagaimana berikut:

1. Hari Raya Aidilfitri
2. Hari Raya Aidil Adha
3. Isra' dan Mikraj
4. Maulidul Rasul
5. Nuzul Quran
6. Awal Muharram





## KONSEP IBADAH ISLAM

32















## KONSEP IBADAH ISLAM

33













## AKTIVITI PELAJAR

34

| AMALAN | ISLAM | YAHUDI | KRISTIAN |
|---|---|---|---|
| SOLAT/ SEMBAHYANG | ✓ ? | ✓ 3 kali sehari | ✓ ? |
| ZAKAT / SEDEKAH | ✓ ? | ✓ Wajib dilaksanakan | ✓ ? |
| PUASA | ✓ ? | ✓ Mengikut mazhab Contoh : Puasa Hari Yom Kippur | ✓ ? |
| HAJI / ZIARAH | ✓ ? | ✓ Ziarah di Jerusalem | ✓ ? |